

Abdullah pilihan ahli UMNO

KOTA KINABALU 13 Ogos - Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Mustapa Mohamed berkata, pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden UMNO adalah merupakan kehendak ahli parti itu sendiri dan oleh itu tiada sebab kepimpinannya dipertikaikan.

Beliau yang juga Menteri Pengajian Tinggi berkata, adalah wajar semua ahli parti menyatakan sokongan terhadap Abdullah sebagaimana yang diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau memegang jawatan Presiden UMNO.

"Malah, rakyat juga telah memberi mandat terhadap kepimpinan Pak Lah (Abdullah) dengan memberi kemenangan besar dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 2004," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO bahagian Kota Kinabalu di bangunan Kuwasa di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua UMNO bahagian Kota Kinabalu, Datuk Faisyal Y.H. Diego.

Seramai 170 perwakilan daripada 66 cawangan hadir pada persidangan tersebut.

Menurut Mustapa, Dr. Mahathir semasa memimpin parti pada tahun 1988 pernah diserang oleh individu-individu tertentu namun ahli-ahli parti tetap berdiri teguh di belakangnya sebagai tanda sokongan.

Katanya, begitulah juga apa yang dilakukan oleh ahli parti ketika ini untuk menyokong Abdullah sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri apabila kepimpinannya dipertikaikan.

"Ia prinsip UMNO untuk menyokong kepimpinan Presiden. Ini kerana cara itu menunjukkan lambang kekuatan parti keramat ini," ujar beliau.

Meskipun demikian beliau berkata, sokongan diberikan kepada Abdullah bukanlah sesuatu yang membuta-tuli sebaliknya adalah kerana kejayaannya dalam memimpin negara dan parti.

Katanya, malah dasar dan kepimpinan dibawa olehnya berjaya diterima baik oleh

UM-14/8/2006
ia adalah prinsip UMNO untuk menyokong pimpinan Presiden. Ini kerana cara itu menunjukkan lambang kekuatan parti keramat ini

MUSTAPA MOHAMED
Ahli Majlis
Tertinggi UMNO

seluruh rakyat dan parti komponen Barisan Nasional (BN) mahupun negara-negara luar yang menjalin ekonomi dengan Malaysia.

"(Cuma) perlu kita fahami, Abdullah mempunyai gaya kepimpinan yang berbeza dengan cara lebih diplomasi tetapi bagaimanapun terbukti berjaya," ujar beliau.

Mustapa seterusnya berkata, semua isu yang dibangkitkan mengenai kepimpinan kerajaan dan Abdullah telah didedahkan namun ia akan tetap diperjelaskan kepada parti dan rakyat dari semasa ke semasa.

Katanya, ini kerana meskipun masalah itu dianggap kecil tetapi jika dibiarkan

akan merebak dan menjejaskan kekuatan dan sokongan parti.

Sementara itu, pada sidang akhbar, beliau berkata, pihaknya percaya terdapat segelintir individu tertentu yang sengaja mempengaruhi Dr. Mahathir untuk menentang kepimpinan kerajaan.

Katanya, individu tersebut berbuat demikian di atas pelbagai sebab antaranya kerana tidak berpuas-hati apa diperolehi daripada parti seperti jawatan, projek dan sebagainya.

"Apapun kita percaya ia tidak menjejaskan parti kerana jumlahnya tidak ramai," jelasnya.